

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)

NO. SOALAN : PR-1361-T01808

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

- (a) jumlah permit masuk (AP) kenderaan yang diluluskan dan dikeluarkan oleh Kementerian sepanjang tahun 2015, 2016 dan 2017 dan anggaran untuk 2018; dan
- (b) bagaimanakah perancangan masa depan tentang AP ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lesen Import (AP) yang diluluskan dan dikeluarkan bagi pengimportan kereta penumpang dan motosikal dalam bentuk siap sepenuhnya (CBU) boleh dikategorikan kepada AP Terbuka dan AP

Francais. Jumlah keseluruhan AP ini yang diluluskan dan dikeluarkan bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah seperti berikut:

Tahun	Kereta (Unit)			Motosikal (Unit)		
	Terbuka	Francais	Jumlah	Terbuka	Francais	Jumlah
2015	27,737	57,012	84,749	3,814	15,871	19,685
2016	25,003	50,645	75,648	1,541	7,503	9,044
2017	21,947	29,662	51,609	2,658	7,080	9,738

Bagi tahun 2018, Kementerian ini menganggarkan jumlah AP yang akan diluluskan bagi kereta penumpang terpakai adalah sekitar 55,000 hingga 75,000 unit. Bagi motosikal pula dianggarkan di antara 9,000 hingga 11,000 unit AP.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini dasar pengenaan AP ke atas kenderaan penumpang dan motosikal masih dikekalkan bagi tujuan pemantauan.

Sekian, terima kasih.

RT9/110

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
DARIPADA****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan disiplin pelajar-pelajar, kes yang dibawa ke mahkamah akibat tindakan disiplin guru-guru dan apakah perancangan untuk penambahbaikan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia ingin menegaskan bahawa keadaan disiplin murid adalah terkawal dan pelbagai langkah dilaksanakan secara berterusan untuk menangani isu disiplin murid. KPM sentiasa memastikan guru-guru terutamanya pengetua/guru besar mematuhi prosedur dan perundangan sedia ada dalam menjalankan hukuman ke atas murid-murid yang didapati bersalah melakukan salah laku disiplin. Sesi taklimat berkenaan peraturan dan pengurusan disiplin telah dilaksanakan melibatkan pengetua sekolah di seluruh Malaysia. Kursus literasi undang-undang kepada guru disiplin juga merupakan salah satu kaedah untuk mengingatkan guru-guru disiplin khususnya yang baru dilantik untuk

mematuhi prosedur tindakan sedia ada dan perundangan negara dalam menjalankan tugas sebagai guru disiplin di sekolah.

RT9/110